

Peristiwa-peristiwa.....

Matahari baru naik segalah. Ketika itu pintu rumahku diketuk orang. Tatkala kubuka kulihat seorang teman lama telah ada di ambang pintu membimbing sebuah beg besar sambil memberi salam: *Al-salāmu ‘alaykum*.

Aku pun terus menyahut: *Wa ‘alaykumu al-salām* dan terus mengucap *ahlan wa sahlan wa marḥabā* sambil mempersilakan masuk dan bertanya khabar. Aku mengangkat begnya lalu kuletakkan ke bilik tamu yang selalu terbuka kepada tamu-tamu yang datang ke rumahku.

Sudah itu, aku pun duduk bersama beliau. Masa itu ialah masa yang lama sebelum Konfrontasi dan kapal-kapal K. P.M. berulang-alik memasuki pelabuhan Singapura.

Belum sempat lagi isteriku menghidangkan kopi pagi kepada beliau, beliau terus berkata: “Saudara, saya sekarang dalam “pakansi”¹ (cuti). Saya sudah pun pergi ke pulau-pulau Riau dan saya teruskan ke mari untuk menjumpai saudara dengan satu tujuan bahawa pakansi saya itu tidaklah akan menjadi sesia.”

Aku pun diam sejeurus mendengar kata beliau itu terutamanya aku berasa bahawa ketibaan beliau dengan mengejut dan kerana itu aku bertanya: “Apakah maksud saudara?!”

Beliau lalu menceritakan bahawa rumah beliau di Jakarta telah tua dan buruk dan beliau berniat hendak membuat sebuah rumah di lain tempat dan kerana itu beliau tergesa-gesa datang ke mari dengan keyakinan bahawa aku dapat menyusunkan tabligh-tabligh agama di merata-rata

tempat di Tanah Melayu ini dan sebalik daripada tabligh-tabligh itu dapat pula dipahamkan kepada orang yang mengadakan tabligh supaya diberikan pemberian-pemberian yang “lumayan” yang dengannya tidaklah menjadi sesia-sia segala perjalanan dan langkah-langkahnya.

“Saya serahkan atas kebijaksanaan saudara menyusun tabligh-tabligh itu dan uruskanlah perkara ini dengan “kebijaksanaan” dan tujuan-tujuan yang terkandung di dalamnya hendaklah disulitkan,” kata beliau kepadaku.

Aku termenung terutamanya beliau datang dengan mendadak. Rundingan-rundingan tidak diadakan lebih dahulu dengan surat atau lainnya kerana beliau terus datang ke pintu rumahku dan untuk menjaga hati kawan maka aku berkata kepada beliau: “Saya mencuba akan mengusahakannya tetapi berhasil atau tidak, tidaklah dapat saya menjaminnya.”

Demikianlah, aku pun berhubunglah dengan kawan-kawan di Pantai Timur, di utara Tanah Melayu dan sehari kemudiannya beliau pun dapatlah naik kapal terbang terus menuju ke Pantai Timur. Kerana pekerjaanku terlampau banyak, aku tak dapat mengiringi beliau.

Seminggu kemudian aku mendapat sepucuk surat daripada beliau menyatakan bahawa beliau berbesar hati di atas sambutan dan kehormatan yang diberi dengan meriah di mana-mana beliau berada. Tetapi... ya tetapi kata beliau keraian sahaja yang saya dapat sedang hasil yang dimaksud tidak sampai.

Dua hari sesudah itu, aku

menerima lagi sepucuk surat yang menempelak kepadaku bahawa beliau mengatakan kedatangan beliau ke mari hanya menghabiskan waktu sahaja – masa pakansi beliau terbuang percuma sahaja tidak membawa hasil dan sebab itu beliau hendak membatalkan rancangan yang dijalkannya.

Membaca surat itu, aku termenung. Lama aku termenung kerana memikirkan telatah seorang mubaligh yang datang tidak diundang dan sudah diberi pertolongan sekadarnya dengan reda dan tidak ada bayaran kemudian menyalahkan aku sebagai orang pengundang yang seolah-olah akulah mengundang beliau datang ke mari kerana mengadakan tabligh dan barangkali tabligh yang diadakan beliau ialah daripada wang saku sendiri.

Tetapi kemudian aku berfikir dan berkata seorang diri: “Beginilah ragam orang di dalam dunia.”

* * *

Mubaligh

Banyak tempat aku berjalan. Di Singapura, di Tanah Melayu, di India, di Pakistan, di Iran, di Baghdad, di Syria, di Mesir, di Quds, di Kuwait dan tidak sunyi pula di Makkah dan di lain-lain tempat selalu aku melihat dan menemui sekumpulan demi sekumpulan kadang-kadang seorang, tiga orang-orang saudara-saudara orang Islam apabila sampai di sesebuah masjid dengan tidak diminta membuat tabligh di surau-surau di masjid-masjid besar atau kecil mereka dengan sukarela mengadakan tabligh itu.

Melihat ini pada suatu hari, aku

¹ Cuti di dalam bahasa Indonesia.